

SENI KALIGRAFI DALAM TEKSTIL MELAYU¹ **(CALLIGRAPHIC ART IN MALAY TEXTILES)**

Nor Azlin Hamidon

Abstrak

Kajian ke atas seni kaligrafi dalam tekstil Melayu adalah satu usaha menganalisis seni tekstil berayat atau bertulis yang terdapat di alam Melayu. Aspek kajian bukan setakat terbatas kepada aspek estetikanya, bahkan aspek-aspek lain seperti etika, kebolehbacaan dan strukturnya. Dalam tekstil Melayu, beberapa tema popular telah dikenalpasti, seperti penggunaan Nama-Nama Tuhan, lafaz dua kalimah syahadah, surah-surah al-Qur'an, ayat-ayat berkenaan kemenangan berperang dan sebagainya. Penemuan yang paling besar dalam kajian tersebut ialah penemuan dua tekstil tenunan yang memperlihatkan tulisan kaligrafi yang telah disalaheja secara tidak sengaja; atau sengaja ditulis dalam keadaan menghina Islam. Dari aspek etika, seni tenunan tersebut haruslah dimusnahkan, atau tidak lagi dipamerkan, meskipun telah lama berada dalam simpanan pihak muzium. Keseluruhan kajian turut memperlihatkan seni tekstil sebagai manifestasi pandangan alam Melayu dalam beberapa aspek kehidupan.

Abstract

The research of Islamic calligraphy on Malay textile is an effort to analyze calligraphic textiles existed in the Malay world. The research does not only focus on the aesthetics, but also on other aspects such as ethics, decipherability

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Tenunan Nusantara, anjuran Akademi Pengajian Melayu dan Muzium Pahang, pada 13-15 Mei 2009, di Hotel Vistana, Kuantan, Pahang.

and structure. In Malay textile, a few popular themes are identified, for instances: the Names of God, the two syahada, the sura of al-Qur'an, verses on the victory over the war and others. One of the most outstanding findings for the research is the finding of two textiles consist of the calligraphic words spelled wrongly, be it by accident or in purpose, perhaps by an intention to degrade the image of Islam. From ethical view, the textiles should be destroyed or no longer suitable to be displayed even though has been collected by the museums in years. The overall research is also uncovering textiles as a manifestation of Malay weltanschauung or worldview of a few aspects of Malay life.

1.0 Pendahuluan

Sejak tahun 1949, A.H. Hill (hlm. 80) telahpun membincangkan mengenai kurangnya kajian di buat ke atas industri tenunan tempatan. Menurut beliau, satu kajian perlu dilakukan bagi menjelaskan pelbagai jenis kain yang dihasilkan oleh orang Melayu. Ia dijangka dapat menjelaskan kekayaan reka bentuk tradisional yang menarik, dan sehingga kini masih belum ada kajian terhadap klasifikasi tenunan Melayu secara saintifik.

Cabaran yang dikemukakan oleh Hill untuk melakukan kajian ke atas tenunan Melayu telahpun disahut oleh ramai pengkaji tempatan dan luar negara². Salah satu aspek yang masih boleh dikaji, ialah unsur seni kaligrafi yang terdapat dalam seni tekstil Melayu, khususnya seni tenun. Kajian ini dilakukan dalam disiplin ilmu sejarah seni, yang menganalisis bukan sahaja dari aspek pengayaan, bahkan analisis simbolisme dan kontekstual. Kertas kerja ini akan menggarap aspek-aspek tersebut, dalam pembinaan sejarah tradisi seni kaligrafi dalam tenunan Melayu.

2.0 Taburan Seni Kaligrafi Atas Tekstil

Seni kaligrafi yang didapati pada tekstil di alam Melayu tidaklah sebanyak tenunan yang menggunakan motif flora, berkemungkinan kerana

² Sebagai contohnya, Catherine Sim, W.W. Skeat, H.Strange, Grace Inpam Selvanapagam, Siti Zainon Ismail, Norwani Mohd. Nawawi dan ramai lagi.


anggapan bahawa penggunaannya terhad pada upacara-upacara penting dalam hidup, termasuk juga beberapa kepercayaan mistikal yang wujud bersamanya. Apa yang diketahui umum, pemakaian busana yang berhias dengan kaligrafi, terutamanya yang bertulis dengan nama Allah dan ayat-ayat suci al-Qur'an tidak dipakai sewenang-wenangnya. Pemakaian nama Allah dan ayat-ayat suci al-Qur'an biasanya terhad pemakaiannya pada bahagian kepala hingga ke pinggang, dan keutamaannya di hadapan baju berbanding belakang. Walau bagaimanapun, terdapat juga seni kaligrafi tenunan songket yang terhasil secara menyeluruh, iaitu dilabuhkan hingga ke paras paha dan kaligrafinya wujud walaupun pada bahagian belakang baju. Ini bertentangan dengan adab yang diajarkan oleh Islam agar memuliakan ak-Qur'an dan nama Allah sehingga tidak sekali-kali dibenarkan meletakkan ayat-ayat suci pada tahap yang lebih rendah sehingga seakan-akan menghinanya. Apatah lagi pemakaian busana berayat lebih banyak pantang larangnya, kerana tidak boleh menduduki tekstil yang berayat, atau membawanya semasa qadha' hajat.

Secara amnya, seni kaligrafi atas tekstil Melayu wujud melalui beberapa kaedah atau teknik pembuatan. Secara umum, ia boleh dikategorikan berdasarkan gaya-gaya penulisan yang dibuat ke atas tekstil seperti berikut:


- a) Seni kaligrafi batik
- b) Seni kaligrafi sulaman
- c) Seni kaligrafi telepek
- d) Seni kaligrafi tenunan

Seni kaligrafi batik merujuk kepada kaligrafi yang dibuat sebagai motif corak batik di atas kain yang telah siap ditenun, terutamanya yang bertekstur licin seperti kain sutera dan *jacquard*. Seni kaligrafi tersebut berasaskan lakaran awal ataupun secara terus dilakarkan ke atas kain, bergantung kepada kepakaran pelukis batik untuk menghasilkan khat. Kebiasaannya kaligrafi yang digunakan ialah jenis melengkung yang senang dilentur dan dibentuk mengikut sesuatu bentuk yang ingin dirangka. Kebiasaannya, jenis kaligrafi yang dipilih untuk batik ialah Thuluth, Nasakh, Farisi/Ta'liq dan Nasta'liq. Namun, banyak juga kaligrafi yang tidak dapat dikenalpasti jenisnya berasaskan gurihan-gurihan


huruf bersifat abstrak seperti yang dapat dilihat pada kain batik di bawah. Tulisannya hampir menyerupai khat Nasakh, tetapi gaya lakarannya seolah-olah gaya lakaran seni khat Farisi. Bagi masyarakat Parsi, gaya lakaran seperti ini menghampiri kesempurnaan kerana secara simboliknya dapat dinisbahkan sebagai mainan lagu dan melodi yang diwakili oleh tarian huruf di atas permukaan karyanya. Arah tulisannya tidak menentu, tetapi mengawal mata kepada pergerakan huruf yang cuba mencari-cari di manakah punca ia bermula, ke mana arah seterusnya dan ke mana ia harus berakhir. Dinamisme karya batik ini, telahpun mencapai tahap yang tinggi dari sudut estetikanya. Hanya, yang agak mengecewakan adalah dari sudut pembacaan patah-patah perkataannya, kerana amat sukar mengenali apakah huruf yang ingin dibentuk dan apakah perkataan yang terbentuk.



Kain batik penutup keranda, Semenanjung Tanah Melayu, 20 masihi, 206 x 91 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Perkataan yang wujud tidak dapat dibaca dengan jelas, namun pengkaji menjangka tulisan kaligrafinya ialah Muhammad Rasulullah, terutama pada bahagian tiga petak di tengah.



Batik penutup keranda, Semenanjung Tanah Melayu, kurun ke 20 Masihi, 93 x 88 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Kalimah Basmalah berbentuk burung, manakala lingkaran pada setiap penjuru ditulis dengan nama Muhammad secara berulang-ulang menggunakan kaedah khat cermin atau *ma'kus / aynali*. Pada petak-petak kecil di tengah, ayat yang dikenal pasti ialah "Lam Yalid Wa Lam Yulad" iaitu sebahagian daripada surah al-Ikhlâs bermaksud 'Dia tidak beranak, dan tidak diperanakkan'. Kalimah-kalimah yang menghiasi antara bentuk-bentuk tersebut diisi dengan kalimah syahadah. Keseluruhan komposisinya menegaskan keindahan melalui penegasan bentuk, harmoni dan keseimbangan.



Kain batik Cirebon dalam bentuk bendera DiRaja. Batik ini dihias menggunakan surah al-Ikhlâs, digunakan oleh Sunan Gunung Jati.

Sebagai contohnya, batik di atas yang dihias dengan seni kaligrafi surah al-Ikhlâs merupakan batik yang membawakan nilai simbolisme yang tinggi. Surah al-Ikhlâs itu sendiri merupakan salah satu surah dalam Surah Empat Qul, yang dikenali sebagai surah pendinding dari ancaman bahaya dan sihir. Rasulullah s.a.w. sendiri diajarkan agar membaca keempat-empat surah ini untuk mengubati beliau daripada sihir. Selain itu, hikmah atau kelebihan surah tersebut, apabila dibaca, menyamai satu pertiga pahala membaca keseluruhan al-Qur'an. Surah inilah yang diamalkan oleh Saidina Ali ketika Nabi Muhammad membuat cabaran mana-mana lelaki muslim yang mahu memperisterikan anakanda beliau Fatimah, haruslah dapat mengaut pahala membaca keseluruhan al-Qur'an daripada masuknya waktu Maghrib hinggalah waktu tamatnya terbit fajar pertama. Orang yang berjaya ialah Ali kerana beliau menggunakan ilmunya untuk mendapatkan pahala seperti membaca keseluruhan al-Qur'an dengan kaedah membaca tiga kali surah al-Ikhlâs.


Batik tersebut juga mempunyai beberapa hiasan motif lain seperti pedang berbilang dua, seni kaligrafi berbentuk singa (dua ekor), burung mistikal dan wajah manusia. Dalam tradisi seni kaligrafi, ianya merujuk kepada unsur-unsur kepercayaan Syi'ah yang sering menghasilkan seni kaligrafi dalam bentuk hidupan bernyawa, terutama hidupan mistikal. Ia amat berkait rapat dengan kualiti mistikal kaligrafi yang menegaskan

bahawa setiap huruf kaligrafi tersebut terkandung ilmu yang tersembunyi dan kekuasaan yang istimewa. Ia diasaskan oleh Fadl Allah Al-Hurufi yang berasal dari Iran, pengasas kepada aliran *Hurufiyyun*. Beliau telah menulis mengenai *Ilm Al-Huruf* iaitu Ilmu tentang huruf-huruf dalam abad ke 14 M. Ia turut dikenali sebagai *‘Ulum Ghariba* iaitu ilmu yang aneh, atau *‘Ulum al-Khafiyya* iaitu Ilmu yang misteri. Menurut beliau, terdapat hubungan rapat antara huruf dan nombor kerana perkataan adalah manifestasi terunggul Tuhan, dan jumlah keseluruhan abjad dan nombor yang diwakilinya adalah salah satu kaedah Tuhan menjelmakan Diri-Nya. Menurut kajiannya, dua puluh lapan huruf Arab boleh dibahagikan kepada empat kategori sepertimana empat unsur alam iaitu api, angin, tanah dan air. Oleh itu, apabila kombinasi huruf-huruf itu diletakkan dengan susunan tertentu, ia boleh digunakan dalam keadaan tertentu, ditambah dengan ramalan astrologi bagi meningkatkan keberkesannya. Sebagai contohnya, huruf-huruf yang mewakili air boleh mengurangkan demam, manakala huruf-huruf daripada kategori api boleh meningkatkan semangat peperangan.³


Selain itu, abjad juga merupakan simbol keharmonian kosmik dan kesempurnaan Tuhan terlihat pada ciptaannya. Sekiranya nombor dan abjad bercantum, ia memperlihatkan geometri kejiwaan, dan memmanifestasikan kesatuan Tuhan. Dalam setiap perkataan terkandung struktur kod tertentu. Teori ini menegaskan simbol-simbol metafizik dan digunakan secara meluas dalam pengubatan organik dan psikosomatik.

Pengaruh aliran ini bukan sahaja terbatas di Iran, bahkan telah tersebar di seluruh dunia, termasuk ke alam Melayu sehinggalah ke Negara China. Dalam kain batik di bawah juga, memperlihatkan seni khat yang dibuat dengan empat penjuru. Perkataan Allah diletakkan pada penjuru atas dan bawah, manakala pada sisiannya dianggap pada tahap awal seperti perkataan syahadah “La Ilaha Illa Allah”, tetapi bila diamati, adalah sebaliknya. Ia merupakan susunan alif, lam alif, alif, alif, lam alif, lam alif dan alif. Adalah dipercayai batik ini juga menyusun huruf-huruf berdasarkan aliran *hurufiyyun* tadi.


³ Untuk keterangan lanjut, boleh rujuk kepada *Encyclopedia of Islam*, 2nd ed., vol. 1, 97-98, “abjad”, vol.2: 733-735, “Fadl Allah Hurufi”. Teorinya akhirnya telah menyebabkan beliau dihukum mati pada tahun 1398.




Seni kaligrafi ini mempunyai empat penjuru, dikaitkan dengan empat unsur alam. Batik penutup keranda, Semenanjung Tanah Melayu, kurun 20M, 243cm x 102cm. Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia.



Kain batik ikat kepala. Ia dihiasi dengan motif kaligrafi. Kain batik jenis ini dihasilkan di Cirebon sekitar tahun 1900 menggunakan warna putih dan berlatarkan biru. Kain ini turut dikenali sebagai batik Arab, dihasilkan di Jawa untuk dijual di Sumatera. Himpunan Muzium Negara.




Kain batik penutup keranda bertulis ini menyelitkan huruf-huruf kaligrafi sehingga menjadi harmoni dan bersatu sebagai motif hiasan dalam kalimat syahadah. Di tengah-tengahnya terdapat tujuh bulatan melonjong yang diisi dengan kalimat Muhammad Rasulullah. Kepulauan Melayu, 20 Masihi, 235 x 107 sm. Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia.




Kain batik penutup keranda, Semenanjung Tanah Melayu, 19-20 Masihi, 103 x 82 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Batik berayat ini mempunyai nombor-nombor dan huruf-huruf Arab yang diletakkan dalam kotak-kotak azimat.

Seni kaligrafi sulaman pula merupakan seni kaligrafi yang disulam bagi memberi kesan timbul benang ke atas kain, sama ada dengan menggunakan warna yang sama dengan warna tanah kain, ataupun warna yang menyerlah seperti benang emas dan perak. Kebiasaannya, teknik sulaman tekat digunakan, iaitu dengan meletakkan mempulur yang dibuat daripada kertas yang ditampal berlapis-lapis supaya menjadi tebal mengikut bentuk huruf yang dikehendaki, dan kemudian, barulah proses menekat dibuat. Dalam kaedah yang lain, lakaran seni kaligrafi dibuat terlebih dahulu di atas kain, kemudian proses menyulam terus dilakukan. Dari segi penggayaan, ia mempunyai persamaan dengan teknik sulaman dari Asia Tengah.



Kain Azimat dari Indonesia, penghujung kurun ke 19 Masihi, 30.5 x 10.5 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Kaligrafi disulam benang emas berlatarkan merah hati. Kain ini turut meletakkan angka-angka dalam kotak-kotak azimat. Bentuk bintang berkaitan dengan ilmu astrologi. Perkataan kaligrafinya ialah "*Nasrun Mina Allah Wa Fathun Qarib*" pada sebelah kanan, manakala pada sebelah kiri pula "*Hasbiya Allahu La Ilaha Illa Huwa 'Alaihi Tawakkaltu Wa Huwa Rabbul 'Arsyil 'Azim*".



Kaligrafi sulaman atas baju rompi kain kapas, dari Kepulauan Melayu, awal 20 masihi, 47 x 44 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Perkataan yang terdapat di dalamnya ialah Lafaz Al-Jalaluh “Allah” dan “Muhammad” secara berulang-ulang pada leher baju. Pada bahagian dada, ditulis “*Nasrun Mina Allah Wa Fathun Qarib*” bermaksud ‘Kemenangan (datangnya) daripada Allah dan pembukaan (kota) semakin dekat’. Manakala di sebelah kirinya pula ditulis “*Wa Basysyiri al-Mu’minin*” bermaksud ‘Dan gembirakanlah orang-orang beriman’. Kedua-dua ayat al-Qur’an yang dipilih bertemakan peperangan.

Selain itu, seni kaligrafi turut dihasilkan dengan kaedah telepek. Sebagai contohnya, Panuti, (1983) menjelaskan bahawa kalimah seperti Allah, Muhammad dan kalimah Basmalah sering digunakan untuk menghasilkan hiasan pada kain telepek. Ia biasanya digunakan untuk menutup jenazah atau keranda.

Seni kaligrafi tenunan pula merujuk kepada kaligrafi yang dihasilkan semasa proses tenunan dibuat. Ini menjelaskan bahawa seni kaligrafi tersebut telah dirancang secara terperinci sebagai motif tenunan. Kebiasaannya, lakaran dalam bentuk lukisan akan dihasilkan terlebih dahulu. Hasil tenunan yang terbabit ialah seni kaligrafi songket dan kain limar. Kebiasaannya jenis kaligrafi yang terbabit ialah dari jenis khat kufi, iaitu jenis khat tertua dalam sejarah penulisan khat. Ia sesuai dijadikan motif hiasan untuk kain tenunan kerana sifatnya yang anjal dan sesuai

dijadikan motif bersegi-segi, berasaskan sifat khat kufi tersebut yang bersifat monumental. Walau bagaimanapun, ada juga jenis khat lain yang lebih lembut sifatnya digunakan sebagai motif tenunan; contohnya khat Thuluth.

3.0 Analisis Seni Kaligrafi Atas Tenunan

Berdasarkan contoh-contoh tenunan berayat atau bertulis yang dikaji, beberapa tema seni kaligrafi dapat dirumuskan seperti berikut:

- a) Asma'ul Husna (Nama-nama Tuhan)
- b) Zikir
- c) Gelaran dan pangkat
- d) Kalimah Syahadah
- e) Nombor dan huruf (Berstruktur dan bertabur)




Baju berayat himpunan Muzium Negara menggunakan Asmaul Husna dan Zikir


Baju berayat di atas merupakan baju yang digunakan sebagai pendingin, dipakai di dalam atau sebagai anak baju dan kemudian

disarungkan dengan pakaian lain di luar. Ia telah berusia kira-kira seratus tahun. Fungsi baju ini terserlah, apabila dipakai ketika berperang. Ia diperbuat daripada sutera berwarna merah dan ditulis dengan *wafa'* daripada ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim pada bahagian hadapan baju. Berdasarkan analisis terhadap jenis kaligrafi, ia didapati ditunen menggunakan khat Thuluth, iaitu ibu kepada semua jenis khat yang merupakan jenis yang terindah dan paling sukar dihasilkan, apatah lagi dalam bentuk tenunan. Ukuran panjang dan lebar huruf harus dijaga bagi menyerlahkan keindahannya.

Antara perkataan yang tertulis di atas baju ini ialah Asma'ul Husna, iaitu nama-nama Tuhan yang baik. Nama Allah yang dipaparkan ialah '*Ya Mannan*'. Selain itu ayat-ayat zikir juga menghiasinya iaitu "*Subhana Allah*" dan "*Subhana Allah al-Azim*". Dari aspek estetika, keindahannya terserlah melalui komposisi seni kaligrafi tersebut yang digubah dalam bentuk zig-zag, menyerupai bentuk pucuk rebung yang menyerlahkan falsafah hidup Melayu yang tinggi. Ia dipotong dan dijahit sedemikian rupa, memperlihatkan aspek keseimbangan antara belahan baju sebelah kanan dan kiri. Keindahan kain tenunan ini lebih terserlah kerana menggunakan benang emas yang berkilau.



Kain ikat bengkung, dipakai di bahagian pinggang.



Kain bengkung berayat tersebut jika dilihat dari dekat, jelas kelihatan dua kalimah syahadah sebagai motif hiasannya di samping motif kuda laut di bahagian tengah antara ayat-ayat tersebut.

Kain songket bengkung adalah sebahagian daripada kelengkapan baju Melayu, berfungsi mengikat kain samping dan mengemaskannya. Ia haruslah dipakai hanya sekiranya memakai tengkolok. Dalam gambar di atas, ia memperlihatkan kain songket bengkung berayat. Pemakaian kain bengkung berayat, terutama pada bahagian pinggang yang menempatkan keris, adalah simbol kepahlawanan dan keberanian, di samping memmanifestasikan pandangan alam yang berteraskan kepercayaan kepada tangkal yang mempunyai kuasa mistikal.

Dalam Hikayat Hang Tuah, ada diceritakan mengenai pemakaian ikat pinggang beliau yang “...berselitkan ayat al-Qur’an, bersurat besar-besar atau tengkolok berhias:

*Bersurat kalimah Arab
Tiap sudut ada azimat
Tiap segi ada hikmat”*


Daripada petikan tersebut, dapatlah dibayangkan bentuk tulisan yang dipakai oleh Hang Tuah pada kain ikat pinggangnya dibuat dengan saiz besar sehingga boleh kelihatan dari jauh. Pemakaiannya menegaskan dua perkara iaitu ciri ‘azimat’ yang berkait dengan kepercayaan kain tersebut sebagai tangkal pelindung dan pendinding, di samping ciri

'hikmat' iaitu merujuk kepada kedalaman dan ketinggian ilmu dan peribadi yang tidak boleh dipertikaikan. Penegasannya ialah dari aspek pandangan alam yang sering mengaitkan material atau benda sebagai sesuatu yang meneguhkan kepercayaan dan keyakinan diri dan menimbulkan keberanian serta menaikkan semangat, apatah lagi dengan nama-nama Allah dan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim.


Selain itu, terdapat juga kain songket bertulis penuh yang dibuat untuk kaum wanita. Bagi kaum lelaki, kebiasaannya kain tenunan berayat dipakai untuk meningkat daya kekebalan, keberanian dan semangat, sebaliknya pemakaian kain songket berayat bagi kaum perempuan menyerlahkan bukan sahaja keanggunan si pemakai tetapi keperibadian yang tinggi. Istilah pemakaian baju "dikurung dek syara', dijunjung dek adat" menjelaskan lagi faktor kawalan diri dari aspek hati budi dan nurani. Si pemakai akan merasai 'terkurung' melalui rasa tiada kebebasan secara hakiki melakukan segala yang diinginkan, sebaliknya ada lagi kuasa luar yang memerhati tingkah laku dan kesantunan. Tambahan pula, dari aspek pemakaian kain tenunan berayat, sama ada terhasil dalam bentuk songket atau limar, ia sering dikaitkan dengan kesejahteraan, keselamatan dan keinsafan.




Baju panjang songket bertulis penuh untuk dipakai oleh kaum wanita. Coraknya memanjang, berhias motif kaligrafi. Himpunan Muzium Seni Asia, Universiti Malaya (Siti Zainon, 1994 dan Othman Mohd Yatim, 1995)



Kain limar bertulis dari Terengganu. Himpunan Muzium Negara. Bertulis dengan “*Nasrun Mina Allah Wa Fathun Qarib*” dan lafaz dua kalimah syahadah. Kain ini digunakan untuk membuat kelambu pengantin dan sebagai hiasan dinding pada pelamin.



Gambar di atas menunjukkan kain limar bertulis telah dijadikan kain kelambu dalam persiapan kamar pengantin. Kain limar berayat digantung sebagai kelambu dalam keadaan lebih tinggi. Selain itu, ia boleh juga digunakan sebagai hiasan gantungan dinding untuk pelamin. Ia hanya dipakai untuk upacara penting dalam kehidupan, termasuk upacara kematian sebagai tudung keranda. Koleksi Muzium Negara, Kuala Lumpur.




Kain Limar berayat / bertulis. Motifnya seni kaligrafi kalimah syahadah. Berlatarkan benang hitam, berpunca merah, dijangka ditunen pada tahun 1890-an. Himpunan Lembaga Muzium Negeri Terengganu. (Rujuk Siti Zainon Ismail, 1994, hlm. 57)

Dalam mengkaji seni kaligrafi bertulis, pengkaji tertarik kepada beberapa kesalahan ejaan pada kain tenunan, termasuklah kain limar berayat yang ditunjukkan di atas. Dua kalimah syahadah yang diulang-ulang pada kain tersebut membawa kesalahan makna yang cukup besar. Seharusnya dua kalimah syahadah berbunyi “La Ilaha Illa Allah, Muhammad Rasulullah”, tetapi telah disalah eja dengan “La Ilaha Illa Lillah, Muhammad Rasu Lillah). Huruf Lam pada perkataan Rasul telah gugur, begitu juga dengan huruf alif pada perkataan Allah. Akhirnya perkataan tersebut telah lari dari maksud asal kerana apabila huruf alif

gugur daripada lafzul Jalalah (Allah), maka maksudnya bertukar kepada “Bagi Allah” atau “Demi Allah”. Oleh itu syahadahnya yang salah itu membawa makna” Tiada tuhan melainkan bagi Allah, Muhammad Rasu bagi Allah”. Dalam syahadah yang salah ini, sifat tiada tuhan itu dinisbahkan bagi Allah, yang membawa kepada pensyirikan.

Hal yang sama berlaku pada kain lampong yang ditemui memaparkan seni kaligrafi yang membawa maksud yang mengejutkan, iaitu “Allah, Muhammad La Rasulullah” iaitu ‘Allah, Muhammad bukan Rasulullah’. Perkara yang menjadi tanda tanya ialah kewujudan seni kaligrafi yang menentang ketauhidan Tuhan dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai motif hiasannya.



Kain Lampong, Jawa, Indonesia, awal kurun ke 20 Masihi, 109 x 44 sm, Himpunan Muzium Kesenian Islam Malaysia. Tenunan ini mengandungi unsur kaligrafi yang menghina kepercayaan Islam.


4.0 Seni Kaligrafi Tenunan Dalam Era Globalisasi

Seni kaligrafi tenunan telahpun mengharungi arus pemodenan, lalu unsur-unsur kebaratan telah menjadikan seni tenunan bertulis berfungsi sebagai sebahagian daripada alternatif dekorasi dinding, sebagaimana halnya yang berlaku ke atas kraf Melayu lainnya. Meskipun begitu, ia dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana wujudnya penghargaan terhadap bidang kesenian ini untuk mendapat tempat dan penaungan untuk merempuhi era kemodenan dan pasca moden ini. Dalam pergelutan untuk timbul menampilkan gaya bercitarasa tradisional tetapi berjaya memenuhi citarasa generasi kini, karya-karya tenunan telah dijadikan sebagai sebahagian daripada seni halus yang mengikut perkembangan penggayaan atau stail terkini. Ini dapat dilihat dalam karya yang dihasilkan oleh pengkarya berikut:



Seni kaligrafi pada kain tenunan.

Dihasilkan oleh Yusaslinda Yunus, 88 x 270 cm, 1993.



Karya Seni Kaligrafi Tenunan bertulis Surah al-Ikhlâs, berukuran 94 x 96.5 sm, Himpunan Muzium Seni Asia.

Karya asal kaligrafi tenunan kontemporari di atas pula disalin daripada penulis khat bangsa Turki bernama Ahmad Karahisari yang meninggal dunia pada tahun 1556 Masihi. Ia disalin oleh Mohammed Yusof Abu Bakar, dan disesuaikan oleh Syed Ahmad Jamal untuk ditenun oleh Atikah Songket, Kuala Terengganu. Tempahan tersebut telah disiapkan pada tahun 1975 dan pernah dijadikan sebagai sebahagian bahan pameran dalam siri pameran seni khat bergerak yang dianjurkan oleh Muzium Seni Asia Universiti Malaya pada era 1970-an. Khat yang digunakan untuk karya ini ialah khat Kufi persegi. Benang yang digunakan untuk membuat karya ini ialah benang perak yang ditenun dengan benang sutera berwarna biru tua. Karya ini terhasil sebagai perlambangan usaha pelestarian seni khat atau seni kaligrafi dan tenunan Melayu agar tidak luput dek zaman.

5.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa keseluruhan *weltanschauung* atau pandangan alam Melayu, meskipun telah didatangi

dengan agama Islam, masih lagi kental dari aspek kepercayaan yang berteraskan animisme dan dinamisme, iaitu yang berkait rapat dengan material atau benda sebagai pendering dan penguat semangat, serta elemen yang membantu kekebalan seseorang. Apatah lagi, dari aspek material yang rapat dengan diri dan tubuh badannya, hal tersebut lebih menonjol.

Kewujudan pengaruh Syi'ah yang dibawa menerusi ajaran sufi telah menyemarakkan lagi unsur-unsur kaligrafi pada tenunan khususnya, dan pada tekstil amnya, dengan penyangkutan soal-soal ilmu kebatinan dan ilmu-ilmu misteri yang mengungkap rahsia-rahsia alam dan kaitannya dengan setiap abjad atau huruf kaligrafi. Hal ini berlanjutan dan tersebar dalam masyarakat, bukan sahaja dari aspek demi perlindungan diri, bahkan untuk pengubatan, pencarian rasi semasa berkahwin dan sebagainya. Walaupun ilmu yang tersebar ini meluas dari aspek amalan dan kepercayaan, masyarakat Melayu tidak menyedari bahawa ilmu tersebut berbau dengan kepercayaan yang bukan diteraskan dari Islam beraliran sunni.

Satu lagi aspek yang dapat dirumuskan ialah kewujudan amalan pemakaian seni tenun berayat yang selari dengan fasa-fasa penting kehidupan Melayu, terutama dalam upacara-upacara yang dijalankan. Ini menjelaskan kepentingan kewujudan tekstil tenunan seperti itu yang amat dijaga dan dipelihara kerana bernilai tinggi dari sudut tanggapan orang Melayu itu sendiri.

Selain itu, penenunan kaligrafi bukanlah suatu yang boleh dipermudahkan, kerana ketepatan penulisannya harus dijaga. Kesilapan yang sedikit, meskipun dengan tertinggal satu huruf membawa kepada perubahan makna yang ketara, bahkan mengubah maksudnya kepada maksud yang buruk.

Seni tenunan, sama ada bertulis atau tidak, adalah seni tradisi yang harus diperpanjangkan hayatnya, sama ada melalui inovasi fungsi penggunaannya sebagai dekorasi hiasan dalaman atau fungsi-fungsi lainnya, haruslah disokong dan diteruskan. Ini bagi memastikan jati diri Melayu terus terserlah kerana ketahanan dan ketamadunan sesuatu bangsa dimanifestasikan melalui keseniannya.

Bibliografi

- Cultural Treasures: Textiles of the Malay World (Exhibition Book)* (2003),
New Delhi: National Museum.
- Encyclopedia of Islam*, 2nd ed., vol. 1 & vol.2.
- Grace Inpam Selvanayagam (1991), *Songket: Malaysia's Woven Treasure*,
Singapore: Oxford University Press Pte.Ltd. (p.17)
- Hill, A.H. (1949), "The Weaving Industry in Trengganu", *Journal of the
Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 22, Pt. 3, pp. 75-
84.
- Othman Mohd Yatim (1995), *Islamic Arts*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka.
- Panuti H.W. Sudjiman (ed.) (1983), *Adat Raja-Raja Melayu*, Jakarta:
Universitas Indonesia.
- Raja Fuziah Raja Tun Uda dan Abdul Rahman Al-Ahmadi, (2000)
"Malay Arts and Crafts: Islamic Inspiration in Creativity", *Islamic
Civilization in the Malay World*, (ed. Mohd Taib Osman), Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Istanbul: The Research
Centre for Islamic History, Art and Culture, 279-352.
- Siti Zainon Ismail (1994), *Tekstil Tenunan Melayu: Keindahan Budaya
Tradisional Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.